

13/08/1999

Gaji guru terjamin (HL)

M Noh Senan; Ziauddin Sharuddin

SEREMBAN, Khamis - Sekolah agama rakyat (SAR) tidak lagi bergantung kepada yuran pelajar bagi membayar gaji guru apabila pentadbirannya diambil alih oleh kerajaan nanti.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan sudah lama memerhati perkembangan SAR, yang menghadapi masalah kekurangan guru terlatih, bagi memperbaiki pengurusannya.

Langkah kerajaan mengambil alih pentadbiran SAR, katanya, bertujuan memastikan pendidikan pelajarnya lebih cemerlang selain membebaskan mereka daripada hasutan berterusan parti pembangkang.

"Apa salahnya kita ambil sekolah ini yang menghadapi banyak kelemahan supaya dapat ditadbir dengan baik dan meningkatkan pencapaian pendidikan pelajarnya.

"Kita perhatikan perjalanan sekolah ini tidak sempurna, manakala guru pula tak ambil berat kepada sasarannya. Pentadbirnya bergantung kepada yuran pelajar untuk membayar gaji guru.

"SAR juga didapati mengindoktrinasi fikiran pelajar dengan bibit-bibit membenci kerajaan, manakala guru pula meminta mereka memberikan sokongan kepada parti tertentu," katanya.

Perdana Menteri menjawab soalan Pengarah Perancang dan Bandar Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Lokman Omar, dalam sesi dialog selepas menyampaikan amanat kepada kakitangan kerajaan di Dewan MPS, di sini hari ini.

Pada 20 Jun lalu, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan kerajaan bersetuju mengambil alih semua SAR secara berperingkat dan meletakkannya di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan.

Langkah itu bertujuan memberi pendidikan bermutu kepada pelajar Melayu yang berpotensi, khususnya di luar bandar berikutan kebanyakan sekolah terbabit daif dari segi pengurusan, infrastruktur, kualiti guru dan pencapaian akademik.

Ketika ini, lebih 70,000 pelajar mengikuti pengajian di 210 SAR di seluruh negara. Bagaimanapun pengambilalihan itu akan dilakukan secara berperingkat dan dijangka menelan belanja besar.

Dr Mahathir, yang dalam lawatan kerja dua hari ke negeri ini, menolak dakwaan kononnya kerajaan akan mempengaruhi pelajar SAR supaya menyokong parti pemerintah.

Sebaliknya, tegas beliau, kerajaan bertanggungjawab memastikan pelajar SAR mendapat kelulusan tinggi dan meningkatkan tahap pendidikan mereka.

Menjawab soalan Pegawai Hal Ehwal Islam di Jabatan Agama Islam negeri, Nor Azamir Alias mengenai cadangan Pas memperkenalkan hukum hudud, Perdana Menteri berkata, soalnya ialah apakah Pas boleh menjamin keadilan kepada rakyat.

"Mengikut al-Quran, Islam menekankan betapa pentingnya umatnya mengamalkan keadilan. Sebenarnya pihak berkenaan berusaha menimbulkan keadaan serba salah kepada Kerajaan Persekutuan kerana kita tahu ia memang tidak boleh dilaksanakan.

"Kita perlu faham negara ini mempunyai rakyat pelbagai bangsa dan oleh itu, hukum itu tidak boleh dilaksanakan ke atas golongan bukan Islam. Kita tak main politik dalam isu ini. Saya tak khuatir jika ada orang kata saya tak Islam, malah pendirian saya lebih Islam," katanya.

Kepada soalan Pengarah Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS), Dr Akbar Johari, Dr Mahathir berkata, memang ada di kalangan rakyat,

kadangkala tidak sedar kebaikan yang ada.

Katanya, Barisan Nasional (BN) memang tidak boleh memuaskan hati semua orang tetapi rakyat seharusnya bersyukur kerana pelbagai nikmat yang diperolehi.

"Bandingkanlah orang di Indonesia yang begitu ramai menganggur dan tidak ada pendapatan untuk membeli barangan keperluan," katanya.

(END)